

18/09/1999

BN prihatin masalah kemiskinan

Muhd Yusuf Abu Bakar

LAHAD DATU, Jumaat - Kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa memberi perhatian terhadap masalah rakyat termiskin di negara ini, di samping tidak melupakan sumbangan golongan kaya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tiada kerajaan di dunia ini yang mempunyai perancangan terperinci bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan rakyatnya, kecuali Malaysia.

"Kita mengambil berat terhadap rakyat termiskin dengan menyediakan tanah pertanian dan rumah kepada mereka bagi meningkatkan pendapatan dan kehidupan.

"Di Semenanjung, kita memberi lebih kurang tiga hektar tanah (melalui Felda), manakala di Sabah kerajaan negeri memperuntukan hampir empat hektar untuk penduduk melalui skim Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)," katanya.

Sehubungan itu Dr Mahathir berkata jika penduduk miskin berusaha gigih dengan bantuan yang diberikan kerajaan, mereka mampu mengubah kehidupan keluarga menjadi lebih baik, malah mampu muncul sebagai golongan kaya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Ladang PPRT Sabah di Bagahak, kira-kira 50 kilometer dari sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu Ketua Menteri Datuk Osu Sukam dan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan Sabah, Datuk Nasir Tun Sakaran Dandai.

Pada majlis berkenaan, seramai 200 ketua keluarga termiskin menerima sijil hak milik saham apabila tanah mereka diusahakan Syarikat Sawit Kinabalu, anak syarikat kerajaan negeri Sabah.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga memberi perhatian kepada golongan kaya kerana melaluinya kerajaan dapat mengutip cukai yang boleh digunakan untuk pembangunan negara.

"Melalui cukai yang dikutip, kerajaan dapat menggunakannya untuk pembangunan, biasiswa, pembinaan masjid yang kemudiannya dapat digunakan semua rakyat," katanya.

Beliau yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Sabah berkata, kerajaan menolong rakyat tanpa mengira suku kaum supaya dapat menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

"Rakyat Malaysia mempunyai kebolehan untuk mencapai kemajuan dan menghadapi cabaran, seperti yang ditunjukkan mereka yang berjaya mendaki Gunung Everest dan mengelilingi dunia melalui laut secara solo.

"Apa yang diperlukan ialah peluang, pelajaran, kemahiran dan latihan, rakyat mampu menjadikan negara ini maju menjelang 2020, semua ini disediakan kerajaan BN," katanya.

Sehubungan itu, katanya rakyat perlu memilih kerajaan yang boleh membangunkan kehidupan mereka.

"Yang penting kita memilih kerajaan yang bertanggungjawab seperti yang ditunjukkan BN.

"Parti yang hanya untuk suku kaum tertentu dan yang muncul hanya ketika pilihan raya perlu ditolak. Kita akan rugi kalau pilih parti suku kaum seperti yang dilakukan oleh kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) lalu," katanya.

(END)